



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

20.10.2023

Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **LATIHAN INDUSTRI BEKALAN AIR ANTARABANGSA: PBA RESOURCES TANDATANGANI MOU BAHARU DENGAN PERPAMSI INDONESIA**

- **Komitmen dua tahun: PBA Resources (PBAR) menyasarkan untuk melatih lebih 500 kakitangan bekalan air Indonesia pada tahun pertama.**
- **PERPAMSI mewakili kepentingan 440 operator bekalan air Indonesia.**

PULAU PINANG, Jumaat, 20.10.2023: PBA Resources Sdn Bhd (PBAR) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dengan PERPAMSI di Lombok, Indonesia, semalam.

MoU itu membolehkan kerjasama antarabangsa selama dua tahun antara PBAR dan PERPAMSI untuk melatih kakitangan daripada organisasi ahli PERPAMSI, dari 2023 hingga 2025. Program latihan kemahiran dan pembangunan sumber manusia (HRD) yang berkaitan boleh dijalankan di Indonesia atau Pulau Pinang.

PBAR ialah anak syarikat latihan dan HRD bagi Kumpulan Syarikat PBA Pulau Pinang. PBAR menguruskan Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA).

PERPAMSI, Persatuan Perusahaan Air Minum Seluruh Indonesia, mewakili kepentingan 440 operator bekalan air. Fokus utamanya adalah untuk membantu ahlinya meningkatkan prestasi dan kapasiti mereka dalam penyampaian perkhidmatan bekalan air.

### **Objektif Utama PBAR**

PBAR menyasarkan untuk melatih lebih 500 kakitangan bekalan air Indonesia dari PERPAMSI pada tahun pertama.

Objektif lain kami untuk menandatangani MoU ini termasuk:

- **Menyediakan latihan dan perkhidmatan HRD kepada seramai mungkin operator bekalan air Indonesia;**



- Mendapatkan akreditasi daripada Kerajaan Indonesia untuk pensijilan kompetensi yang dikeluarkan oleh PWSA; dan
- Berkongsi kepakaran, pengalaman dan pengetahuan mengenai penyelesaian kejuruteraan dan pengurusan bekalan air yang berjaya dengan PERPAMSI melalui perundingan dan/atau bengkel.

### **Memperbaharui Kolaborasi Produktif**

Ini adalah memorandum kedua yang ditandatangani antara PBAR dan PERPAMSI. MoU sebelum ini meliputi tempoh dari 2017 hingga 2019, sebelum wabak global Covid-19 berlaku.

MoU 2023 ini ditandatangani oleh Bapak Lalu Ahmad Zaini, Pengurus PERPAMSI, bagi pihak PERPAMSI. Saya menandatangani bagi pihak PBAR, dengan En. Mohammad Zulkifli bin Abdul Hamid, Ketua Divisyen Sumber Manusia, PBAHB, bertindak sebagai saksi.

Kami berbesar hati kerana PERPAMSI memilih untuk terus bekerjasama dengan kami.

Sepanjang 16 tahun yang lalu, Kumpulan PBA telah berada di barisan hadapan menyediakan latihan berkaitan industri bekalan air untuk kakitangan air Malaysia dan lepasan sekolah.

### **Pencapaian PWSA**

Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) telah ditubuhkan pada 2007. Sehingga kini, ia telah menyediakan latihan kepada seramai 5,219 pelatih Malaysia dan luar negara.

PWSA telah mengadakan kursus latihan untuk kakitangan dari hampir semua operator bekalan air di Malaysia. Di peringkat antarabangsa, akademi itu juga telah menjalankan latihan untuk pengendali air dari Indonesia, Maldives, Myanmar dan Nepal.

PBAR juga telah bekerjasama dengan Asian Development Bank (ADB), HueWACO of Vietnam, Japan International Cooperation Agency (JICA), Institute for Global Environment Studies – Initiative on Environmentally Sustainable Cities (ASEAN ESC), International Water Association (IWA), the United States Agency for International Development (USAID) dan WaterLinks Asia.

Pelanggan luar PWSA dalam tempoh 2 tahun yang lalu termasuk:

1. Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
2. Gamuda Water Sdn Bhd



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

3. PERDA
4. SATU (operator bekalan air bagi Terengganu)
5. PAIP (operator bekalan air bagi Pahang)
6. Male Water & Sewerage (Maldives)
7. Institut Kemahiran MARA Lumut (Perak)

Dalam Kumpulan PBA, PWSA telah membantu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mencapai tahap pensijilan kompetensi kakitangan teknikal sebanyak 98.7% di 9 loji rawatan air Pulau Pinang dan 98.0% untuk operasi pengagihan air.

Pencapaian ini adalah antara yang terbaik di Malaysia; dan kami menyasarkan untuk mencapai pensijilan kompetensi teknikal 100% bagi mematuhi KPI yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Terima kasih.

---

Dikelurkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Email : [syarifah@eba.com.my](mailto:syarifah@eba.com.my)



19.10.2023 | PBA RESOURCES SIGNS A NEW MoU WITH PERPAMSI OF INDONESIA.

Ir. Pathmanathan K., CEO of PBAHB & PBAPP (centre) and Bapak Lalu Ahmad Zaini, Chairman of PERPAMSI (second from left).



19.10.2023 | PBA RESOURCES SIGNS A NEW MoU WITH PERPAMSI OF INDONESIA.

Ir. Pathmanathan K., CEO of PBAHB & PBAPP (8th from left) and Bapak Lalu Ahmad Zaini, Chairman of PERPAMSI (7th from left).